

CONTEXT AND METHODS IN MEDIA RESEARCH: CURRENT STATUS, CHANGES AND TREND

KONTEKS DAN METODE DALAM PENYELIDIKAN MEDIA: STATUS SEMASA, PERUBAHAN DAN TREND

Mohd Sobhi Ishak
Azahar Kasim
Awan Ismail
Norsiah Abdul Hamid

¹Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia

Email: msobhi@uum.edu.my

w_azahar@uum.edu.my

awan@uum.edu.my

nor1911@uum.edu.my

Accepted date: 18 December 2017

Published date: 15 April 2018

To cite this document:

Ishak, M.S., Kasim, A., Ismail, A., & Hamid, N.A. (2018). Konteks dan Metode dalam Penyelidikan Media: Status Semasa, Perubahan dan Trend. *International Journal of Law, Government and Communication*, 87-114.

Abstrak: Artikel ini membincangkan mengenai kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti konteks dan metode penyelidikan media di seluruh dunia berdasarkan artikel-artikel akademik yang diterbitkan dalam pangkalan data akademik dalam talian. Artikel ini turut membincangkan konteks yang difokuskan dalam kajian media terdahulu, serta metode kajian melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan penelitian literatur diaplikasikan bagi mengenal pasti konteks dan metode yang digunakan oleh penyelidikan media sepanjang tahun 2002 hingga 2012 berdasarkan artikel-artikel yang diterbitkan dalam pangkalan data akademik yang dilanggan oleh Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Akses terhadap empat pangkalan data dengan menggunakan kata kunci yang berkaitan telah menghasilkan carian sebanyak 2,366 artikel penyelidikan media yang diterbitkan di dalam 951 kategori jurnal untuk tempoh tahun 2002 hingga 2012. Hasil analisis mendapati wujud pelbagai konteks dan metode dalam kajian media sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2012. Kepelbagaian konteks kajian media ini terbina berdasarkan beberapa aspek iaitu kategori atau jenis media yang dikaji, bidang tumpuan kajian dan isu-isu semasa dalam fenomena kajian. Sementara itu, kepelbagaian metode pula merangkumi perspektif kualitatif dan kuantitatif. Majoriti kajian media yang dijalankan melalui pendekatan kualitatif tertumpu kepada metode temubual dan kajian kes. Metode lain yang turut dijalankan dalam kajian kualitatif ialah pemerhatian lapangan, tinjauan, kumpulan fokus, perbincangan, etnografi, dan penyertaan. Dari segi pendekatan kuantitatif, terdapat peningkatan jumlah kajian media yang menggunakan kajian keratan rentas, sementara eksperimen, walaupun menjadi salah satu kaedah utama dalam kajian media, mencatatkan penurunan penggunaan dalam tempoh 10 tahun. Longitudinal dan

kajian tindakan mencatatkan bilangan penggunaan yang sangat kecil dalam kajian media. Dapatan kajian juga menunjukkan perkembangan teknologi yang memperlihatkan kemunculan pelbagai bentuk media baharu tidak memberi kesan yang ketara terhadap penggunaan metode-metode ini dalam kajian media.

Kata Kunci: Konteks, Metode, Media, Kualitatif, Kuantitatif

Abstract: *This article discusses a study conducted to identify contexts and methods of media research around the world based on academic articles published in online academic databases. This article also discusses the context focused on previous media studies, as well as the method of study through qualitative and quantitative approaches. A literature research approach was applied to identify the context and methods used by media research throughout the duration of 2002 to 2012 based on articles published in the academic databases subscribed by the Universiti Utara Malaysia Library. Access to four databases using relevant keywords resulted in a search of 2,366 media research articles published in 951 journal categories for the period 2002 to 2012. The results of the analysis found that there were various contexts and methods in media studies during the period of 2002 to 2012. The diversity of the context of the media studies is based on several aspects, which are the categories or types of media being studied, the focus areas of the study, and the current issues in the research phenomenon. Meanwhile, the diversity of methods includes qualitative and quantitative perspectives. The majority of media studies conducted through a qualitative approach focused on interview methods and case studies. Other methods that were undertaken in qualitative studies were field observations, surveys, focus groups, discussions, ethnography, and participation. In terms quantitative approach, there is an increasing number of media studies which used cross-sectional studies, while experimental, even though being one of the main method in media studies, recorded a decreasing application within the duration of 10 years. Longitudinal and action research recorded a very small number of usage in media studies. The findings also revealed that technological development which relate to the emergence of many new forms of media do not have a significant impact on the use of these methods in media research.*

Keywords: Context, Method, Media, Qualitative, Quantitative.

Pendahuluan

Kajian media mempunyai sejarah yang panjang dengan fokus dalam pelbagai aspek (Bastiansen, 2008). Sorotan literatur secara menyeluruh mendapati artikel-artikel dalam kajian media diterbitkan di dalam jurnal berimpak dan berwasit. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada jurnal-jurnal ini adalah terbitan barat. Keadaan ini menyebabkan konsep penyelidikan yang hendak diterbitkan terpaksa diolah mengikut acuan dan budaya terbitan barat. Kriteria yang terlalu tinggi ini akhirnya menyebabkan banyak kajian-kajian media tempatan hanya layak diterbitkan di dalam jurnal berwasit tempatan.

Dari hari ke hari, kajian-kajian media mula berevolusi seiring dengan perkembangan media baharu yang dipelopori oleh teknologi pengkomputeran dan Internet. Hasilnya, muncullah pelbagai bidang multidisiplin yang menggabungkan media tradisional dan teknologi seperti multimedia, media kreatif, dan animasi. Sejak itu, lanskap kajian media turut berubah. Persempadanan ilmu yang semakin menipis memerlukan penelitian dan pendefinisian semula kajian-kajian media dalam usaha melestarikan agenda negara, pengkomersilan dan penghasilan gunatenaga yang berketrampilan dan sektor baharu industri media. Pada masa yang sama masih

memberatkan akar ilmu supaya prinsip ilmu yang jelas dapat difahami dan dikuasai oleh pelajar ijazah lanjutan dan masyarakat.

Sehubungan itu, bidang media perlu diperkukuhkan dengan kajian-kajian yang bersifat kontemporari hasil daripada penelitian rapi terhadap kajian-kajian media terdahulu. Keperluan untuk memahami trend atau arah aliran kajian media di seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya perlu dilakukan secara bersistematik dan menyeluruh supaya ia bersesuaian dengan kehendak semasa terutamanya untuk memenuhi keperluan dunia akademik. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti konteks dan metode yang mendasari kajian-kajian media melalui pangkalan data akademik supaya para akademik di Malaysia dapat memahami dan membina lanskap kajian media. Kajian ini diharap dapat mengacuankan penerokaan penyelidikan baharu berlandaskan akar ilmu bidang media.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i) mengenal pasti konteks penyelidikan media di seluruh dunia berdasarkan artikel-artikel akademik dalam pangkalan data akademik dalam talian.
- ii) mengenal pasti metode penyelidikan media di seluruh dunia berdasarkan artikel-artikel akademik dalam pangkalan data akademik dalam talian.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh dikategorikan kepada dua perspektif utama iaitu metodologikal dan praktikal. Dari perspektif metodologi, kajian ini memperlihatkan kepelbagaian metode yang digunakan oleh kajian lalu. Berdasarkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, setiap metode yang dikategorikan dalam kedua-dua pendekatan tersebut akan dibincangkan. Justeru, penganalisan trend ini akan mendedahkan tentang metode-metode yang semakin menjadi pilihan penyelidik sama ada ianya berunsurkan kualitatif mahupun kuantitatif. Selain itu, ia juga akan memperlihatkan sekiranya perkembangan teknologi media masa kini turut mempengaruhi metode dalam setiap penyelidikan media.

Dari perspektif praktikal, kajian ini memberi kefahaman dan membuka ruang penyelidikan yang luas kepada kajian-kajian mendatang dalam bidang media mahupun bidang-bidang lain yang menjadikan media sebagai salah satu subjek kajian. Dalam pada mengenal pasti trend penyelidikan media, secara tidak langsung kajian ini turut memperlihatkan revolusi perkembangan industri media sehingga bagaimana ia terkesan dalam pemikiran dan gelagat manusia. Berdasarkan itu, pelbagai topik berkenaan media boleh dikupas dan dihujah oleh kajian mendatang dari perspektif yang lebih luas sama ada dari sudut media itu sendiri, sikap dan gelagat individu mahupun organisasi.

Ulasan Karya

i) Konteks Kajian Media

Dari perspektif akademik, perkembangan media telah membawa kepada pembangunan pengajian media. Media adalah bidang ilmu interdisiplin di mana, ia adalah sebahagian daripada bidang ilmu komunikasi. Komunikasi yang menjadikan media massa sebagai

perantara disebut sebagai komunikasi massa. Ia adalah proses di mana, organisasi media mengeluarkan dan menyampaikan mesej kepada audien dan bagaimana mesej tersebut akhirnya diteliti, difahami, digunakan dan mempengaruhi audien. Bermaksud, perkembangan konsep kajian media secara tidak langsung turut menjadi lanskap baharu kepada kajian komunikasi (Sukmi, 2016). Justeru, elemen media boleh dicerapkan ke dalam bidang-bidang ilmu yang lain berikutan peranannya sebagai medium komunikasi yang penting dalam banyak perkara. Maka terbentuklah pelbagai tema dalam kajian media. Antaranya ialah produksi media, kajian khalayak dan efek media, komunikasi massa, kewartawanan, ekonomi media, politik media, komunikasi interpersonal dan sosiologi budaya. Tema yang pelbagai ini akhirnya memperlihatkan konsep kajian media dari pelbagai konteks.

Bermula daripada revolusi teknologi sekitar tahun 90-an, pola kajian media juga turut berubah. Sehingga kini, kajian media dilihat lebih bersifat kontemporari. Kebanyakan kajian menumpukan kepada elemen media baharu seperti internet, permainan video, telefon pintar, televisyen interaktif, media sosial, media digital dan sebagainya sebagai medium komunikasi baharu yang bersifat global. Menurut kajian oleh Samsudin (2001), media global telah 'mengecilkan' dunia di mana, hubungan yang merentasi sempadan tidak lagi mustahil malah menjadi kebiasaan. Namun, proses globalisasi media ini mampu memperlihatkan kesan yang lebih besar. Ia telah menembusi sempadan komunikasi, autonomi ekonomi, politik dan sosial (Nurul Izzah, 2008). Globalisasi media dikatakan akan mengancam identiti sesebuah negara kerana majoriti media dikuasai oleh media barat. Keadaan ini menyebabkan aliran program media melalui televisyen yang menonjolkan nilai budaya barat tidak dapat dielakkan dalam media tempatan.

Kajian awal media banyak memfokuskan kepada isu kewartawanan, produksi media, televisyen, filem dan radio. Ia adalah atas pengaruh pembentukan teori psikoanalisis, feminisme dan marxisme yang melihat tentang bagaimana penggunaan media oleh pihak produksi sebagai penyampai maklumat mampu meninggalkan kesan kepada masyarakat (Sukmi, 2016). Menurut kajian oleh Macnamara (2003a), konteks kajian media mula berkembang apabila ia berperanan sebagai platform untuk menjalankan aktiviti politik seperti kempen politik. Pengaruh konvergen teknologi dalam bidang penyiaran dan telekomunikasi dilihat telah memberi kesan bukan sahaja kepada produksi dan penyebaran media malah kepada polisi dan undang-undang media. Akhirnya, konteks kajian politik dan media telah mendapat perhatian ramai sarjana dalam bidang media.

Kajian oleh Azmah dan Samsudin (2013) memperlihatkan pengaruh kredibiliti media terhadap tahap penyertaan khalayak untuk menyuarakan pendapat. Konsep kredibiliti media mula diperlihatkan sekitar tahun 90-an iaitu pada waktu kemunculan internet (Hilligoss & Rieh, 2008). Tujuannya adalah untuk membandingkan tahap kredibiliti antara media tradisional dengan media baharu. Walaupun, media baharu dijangka lebih berkredibiliti namun, kredibiliti media massa yang wujud lebih awal seperti akhbar dan televisyen dianggap lebih berkredibiliti (Azmah & Samsudin, 2013). Pendedahan masyarakat terhadap pelbagai saluran media didapati telah mempengaruhi penyertaan mereka untuk menyuarakan pendapat khususnya dalam membuat keputusan pilihanraya (Tworzecki & Semetko, 2010). Menurut Nurul Izzah (2008), globalisasi media telah mewujudkan satu budaya baharu dalam berpandangan dan bersuara. Kajian oleh Kaye (2005), Kim (2006) serta Shen, Lu, Steve dan Baohua (2011) mendapati penggunaan media dan penyertaan khalayak dalam hal politik lebih tertumpu kepada media baharu.

Fenomena kesan globalisasi media juga telah menarik perhatian ramai sarjana dan mendorong mereka untuk meneroka kesan penggunaan media terhadap pembentukan sikap dan tingkah laku individu sama ada secara positif atau negatif (Samsudin, 2001). Dapat dilihat golongan seperti kanak-kanak, remaja dan wanita sering menjadi mangsa perkembangan teknologi yang tidak terkawal. Antara konteks kajian yang kerap diperbincangkan ialah aspek keganasan, pornografi dan perkauman (Macnamara, 2003a). Peranan media dalam pendidikan dan pembangunan kanak-kanak sangat menyumbang ke arah membantu golongan ini memiliki kelestarian dalam aspek pendidikan. Media mempunyai kuasa untuk mengawal minda dan perilaku individu, budaya dan juga pendidikan (Miculescu, 2014). Walau bagaimanapun, ia perlu disokong dengan peranan ibu bapa. Ibu bapa berperanan untuk menerangkan tentang fungsi media sebagai alat perantara kepada kanak-kanak.

Kaedah yang terbaik ialah ibu bapa meluangkan masa bersama kanak-kanak ketika mereka sedang melayari media supaya situasi sebenar mengenai bahan yang ditonton atau didengar dapat dijelaskan. Pendedahan secara terbuka boleh menyebabkan kanak-kanak dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif. Menurut kajian oleh Shanti (2015), bimbingan ibu bapa adalah sangat penting supaya kanak-kanak dapat membezakan aspek positif dan negatif. Keputusan tentang apa yang hendak diakses dan ditonton juga perlu bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa. Lee (2014) pula berpendapat perlu wujud pendedahan yang seimbang antara penggunaan media dalam pendidikan. Pendedahan mengenai keberkesanan menggunakan media dalam pendidikan adalah penting, namun pendidikan secara tradisional masih perlu diamalkan seperti biasa.

Kajian oleh Wan Anita dan Azizah (2013) yang memperlihatkan kesan tontonan televisyen terhadap pembentukan tabiat kanak-kanak mendapati kanak-kanak yang menonton program televisyen bersama-sama ibu bapa mempunyai peningkatan dari sudut fizikal, sosial dan prestasi akademik. Selain itu, kesan tontonan televisyen juga diperlihatkan terhadap kehidupan keluarga khususnya keluarga yang mempunyai kanak-kanak. Tumpuan yang sering diberikan ialah kandungan program yang ditonton kanak-kanak bersama ibu bapa dan tempoh masa yang diperuntukkan oleh ibu bapa untuk menonton bersama kanak-kanak (Sooryamoorthy, 2014). Kajian oleh Anderson dan Hanson (2009) mendapati tempoh waktu yang diluahkan bersama untuk menonton program televisyen adalah lebih penting berbanding kandungan program yang ditonton.

Keterujaan golongan remaja terhadap media adalah salah satu daripada kesan globalisasi media. Melalui gajet-gajet yang berteknologi, kecenderungan mereka dilihat terarah kepada aspek hiburan. Kemasukan drama dan filem asing yang berunsurkan keganasan, penderaan, dendam dan cinta telah menyebabkan watak remaja masa kini tidak seimbang dari sudut fizikal dan mental. Keadaan ini berlaku kerana pada usia remaja, prinsip dan pegangan mereka sangat rapuh. Mereka akan mudah terpengaruh dalam pada melihat dunia. Justeru, media sama ada media massa, media cetak mahupun media elektronik seharusnya menjadi wadah yang bertanggungjawab untuk mempamerkan elemen-elemen yang memberi pengajaran kepada golongan remaja.

Selain itu, hubungan antara media dengan remaja juga sering dikaitkan aspek keganasan dan salah laku. Kajian oleh Zaleha (2010) berpendapat kesan keganasan dalam media adalah fenomena global yang tidak hanya berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia, malah di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, England, Australia dan Jepun. Media adalah antara penyumbang utama kepada peningkatan tahap tingkah laku agresif dalam

kalangan remaja. Ia didorong oleh elemen-elemen negatif yang dipertontonkan oleh media yang akhirnya mempengaruhi jiwa remaja ke arah kesalahan juvana.

Selain daripada perspektif individu, keberkesanan peranan media juga telah mendapat perhatian kebanyakan organisasi perniagaan. Berasaskan komunikasi berperantara komputer (*Computer-Mediated Communication - CMC*) dalam organisasi, teknologi media kemudiannya berkembang sebagai platform untuk meluaskan pasaran perniagaan. Di peringkat awal, aktiviti promosi dan pemasaran perniagaan terfokus kepada medium emel, blog dan laman web yang mana ianya bersifat kaku dan menawarkan komunikasi satu hala. Namun, kemunculan media baharu telah memberi nafas baharu kepada strategi pemasaran bagi kebanyakan perniagaan. Medium seperti Facebook, Instagram dan Whatsapp semakin popular sebagai medium komunikasi utama individu kerana ciri-ciri interaktif yang dimilikinya. Statistik pada tahun 2000 menunjukkan hanya 3.7 juta rakyat Malaysia menggunakan Internet, manakala jumlah ini telah meningkat dengan mendadak kepada 24.5 juta pada pertengahan tahun 2017 (internetworldstats, 2017). Hal ini secara tidak langsung telah membuka ruang konteks kajian dalam pelbagai bidang termasuklah bidang media. Kebanyakan daripadanya melihat media sebagai platform untuk melaksanakan strategi pengiklanan, pemasaran dan komunikasi dalam perniagaan.

Antara konteks lain dalam kajian media yang berkaitan dengan aspek kehidupan manusia dan kerap mendapat perhatian para sarjana ialah aspek keagamaan (Faradillah, 2014; Fazli, Ab Hamid, Marhana & Engku Muhammad Tajuddin, 2015; Siti Rokiah & Fadzli, 2015) serta aspek masyarakat dan budaya (Samsudin, 2001; Mus Chairil & Jamilah, 2014; Nordiana, 2014; Sommier, 2014). Oleh kerana bidang media adalah sub bidang komunikasi maka, terbentuk pelbagai konteks kajian yang diteroka oleh para sarjana. Secara keseluruhan konteks kajian media boleh dicirikan kepada pemilikan media (*media ownership*), produksi media (*media production*), organisasi media (*media organisation*), kecelikan media (*media literacy*), penggunaan media (*media usage*), *media consumption*, kesan media (*media effect*), konvergen media (*media convergen*), sejarah media (*media history*) dan karekteristik media (*media characteristic*).

ii) Metode Kajian Media

Terdapat pelbagai metode yang digunakan dalam kajian media sama ada dalam pendekatan kualitatif mahupun kuantitatif. Perbincangan menyeluruh mengenai metode yang digunakan dalam kajian media adalah seperti sub topik berikutnya.

a) Metode dalam Pendekatan Kualitatif

Metode dalam kajian kualitatif boleh dicirikan kepada temubual intensif, kajian kes, pemerhatian lapangan (*field observation*), etnografi (*ethnography*), kumpulan fokus (*focus group*), tinjauan (*exploratory*) dan penyertaan (*participatory*).

- **Temubual Intensif**

Temubual intensif (*intensive interview*) atau temubual mendalam (*in-depth interviews*) adalah pendekatan temubual *one-on-one*. Kekuatan utama teknik penyelidikan ini ialah kemampuannya untuk menyediakan maklumat yang pelbagai dan tepat khususnya bagi isu-isu tertentu yang sensitif (Wimmer & Dominick, 2011). Penemubual perlu membina hubungan baik dengan responden kerana ia akan menghasilkan kupasan isu

yang lebih mendalam dan terperinci. Walau bagaimanapun, permasalahan utama dalam teknik temubual ini ialah untuk generalisasikan data yang diperolehi. Ini adalah kerana, kebiasaannya temubual intensif dilakukan terhadap sampel tidak rawak (*non-random sample*). Selain itu, responden juga berkemungkinan cenderung untuk memberikan jawapan yang tidak sepadan dengan soalan yang diajukan berikutan temubual adalah teknik pengumpulan yang tidak seragam (*non-standardized*).

- ***Kajian Kes***

Kajian kes merupakan teknik kajian yang melibatkan pelbagai sumber maklumat dalam memastikan kajiannya terhadap individu, kumpulan, organisasi atau peristiwa tertentu dapat dijalankan secara sistematik (Wimmer & Dominick, 2011). Teknik ini menjadi pilihan kajian apabila penyelidik memerlukan tahap kefahaman yang tinggi bagi menerangkan sesuatu fenomena. Secara umum, terdapat empat ciri-ciri utama kajian kes iaitu (*particularistic*), deskriptif (*descriptive*), heuristik (*heuristic*) dan induktif (*inductive*). Oleh kerana kajian kes merupakan teknik yang kaya dengan sumber maklumat maka, ia adalah teknik yang tepat bagi penyelidikan yang memerlukan pelbagai maklumat tentang fenomena yang dikaji. Kajian kes juga bermanfaat kepada penyelidik yang sedang mencari idea untuk kajian lanjutan. Dalam konteks tertentu, kajian kes digunakan dalam peringkat penerokaan kajian bagi mendapatkan data deskriptif dan data penerokaan. Selain itu, ia juga membolehkan semua bukti atau data yang diperolehi penyelidik seperti dokumen, artifak sejarah, temubual, pemerhatian dan kaji selidik digabungkan dalam satu kajian kes.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kritikan terhadap kajian kes. Antara yang paling banyak diperkatakan ialah dapatan kajian banyak dipengaruhi oleh kecenderungan penyelidik. Keadaan ini akan menghasilkan dapatan kajian yang berat sebelah. Kajian kes lebih sesuai bagi kajian yang bertujuan untuk generalisasikan apa yang diusulkan teori. Oleh kerana ia proses pengumpulan data melalui kaedah kajian kes melibatkan masa yang panjang maka, ia berpotensi untuk menghasilkan dapatan yang pelbagai.

- ***Pemerhatian Lapangan (Field Observation)***

Kaedah pemerhatian lapangan adalah salah satu daripada teknik pengumpulan data secara kualitatif yang menumpukan kepada aspek penerangan dan penjelasan. Ia diklasifikasikan kepada dua dimensi utama iaitu (1) sejauh mana penyelidik turut terlibat dalam tingkah laku yang diperhatikan dan (2) sejauh mana pemerhatian yang dijalankan tersembunyi atau terlindung. Secara umum, kaedah pemerhatian boleh dicirikan kepada empat komponen utama iaitu pemerhatian terbuka (*overt observation*), pemerhatian rahsia (*covert observation*), penyertaan terbuka (*overt participation*) dan penyertaan rahsia (*covert participation*) (Wimmer & Dominick, 2011).

Kaedah pemerhatian lapangan membantu penyelidik untuk mengenal pasti maklumat-maklumat asas yang diperlukan kajian. Seringkali ia menjadi pilihan kepada penyelidik dalam melaksanakan kajian rintis kerana selain daripada dapat menentukan pemboleh ubah yang penting kepada kajian, ia juga mampu untuk menyediakan maklumat-maklumat awal (*preliminary*) yang berguna untuk kajian sebenar. Kaedah pemerhatian lapangan membolehkan pemerhatian dilakukan terhadap suatu kumpulan kajian yang sukar untuk diakses. Ia juga adalah teknik yang melibatkan kos yang rendah

di mana, dalam kebanyakan kes, kaedah pemerhatian lapangan hanya memerlukan material bertulis dan perakam audio atau video yang ringkas sahaja. Perbelanjaan terhadapnya hanya akan meningkat sekiranya kajian berhadapan dengan masalah tertentu dan memerlukan pemerhatian yang lebih mendalam.

Namun begitu, wujud juga beberapa kelemahan dalam teknik penyelidikan ini. Kaedah pemerhatian lapangan bukanlah teknik penyelidikan yang menekankan aspek kesahan luaran (*external validity*). Kesahan sukar untuk ditentukan dalam teknik ini kerana pihak yang melakukan pemerhatian dan persampelan yang dipilih boleh dipersoalkan. Ia juga dianggap sebagai teknik penyelidikan yang berat sebelah kerana bergantung sepenuhnya kepada persepsi dan penilaian penyelidik yang menjalankan pemerhatian.

- ***Etnografi (Ethnography)***

Di peringkat awal, teknik etnografi banyak diaplikasikan oleh ahli antropologi dan sosiologi. Etnografi merupakan proses di mana penyelidik perlu meluangkan masa untuk satu tempoh yang panjang dalam menjalankan pemerhatian tentang suatu budaya dan fenomena (Wimmer & Dominick, 2011). Tujuannya adalah untuk memberi ruang kepada penyelidik untuk memahami suatu budaya dengan lebih tepat. Kini, teknik etnografi mula menjadi pilihan kebanyakan kajian dalam bidang sains politik, pendidikan, kerja sosial dan komunikasi. Secara umum, etnografi boleh dikategorikan kepada dua pendekatan utama iaitu diskriptif dan kritikal. Etnografi diskriptif adalah pendekatan konvensional berbanding dengan etnografi kritikal yang lebih menjurus kepada paradigma yang kritikal. Berdasarkan kepada pendekatan-pendekatan tersebut, etnografi dicirikan kepada empat kualiti utama iaitu:

1. Etnografi memastikan penyelidik sentiasa berada dalam lingkungan kajian.
2. Etnografi melihat sesuatu isu yang dikaji dari sudut pandangan individu yang menyertai suatu budaya itu.
3. Etnografi memerlukan penyelidik untuk meluangkan banyak masa dalam fenomena yang dikaji.
4. Etnografi melibatkan pelbagai teknik penyelidikan yang lain seperti pemerhatian, temubual, analisis dokumen, fotografi, rakaman video dan sebagainya.

- ***Kumpulan Fokus (Focus Group)***

Kumpulan fokus adalah teknik penyelidikan yang bertujuan untuk memahami sikap dan tingkah laku masyarakat. Kebiasaannya, teknik ini dijalankan dengan cara mengumpulkan enam hingga 12 orang responden dalam satu masa yang sama. Ia adalah teknik temubual tidak berstruktur yang dikendalikan oleh seorang moderator. Moderator adalah pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan topik kajian dikupas dengan baik dan mencapai objektif (Wimmer & Dominick, 2011). Melalui kumpulan fokus, penyelidik dapat mengumpul idea dan maklumat awal berkenaan suatu topik atau fenomena yang dikaji. Disebabkan itu, ia sering digunakan sebagai teknik penyelidikan dalam kajian rintis. Data atau maklumat yang diperolehi melalui

kumpulan fokus ini kemudiannya boleh diperkukuhkan melalui teknik kualitatif yang lain seperti temubual melalui telefon. Kumpulan fokus juga adalah metode pengumpulan data yang menjimatkan masa.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pelbagai pandangan tentang kemampuan teknik kumpulan fokus ini sebagai metode pengumpulan data kajian. Bagi penyelidik yang tidak begitu jelas dengan teknik ini, mereka akan berpendapat bahawa kumpulan fokus akan menjawab persoalan “*how many*” atau “*how much*” yang akan menghasilkan dapatan dalam bentuk angka dan peratusan. Sedangkan, kumpulan fokus adalah teknik yang bertujuan untuk mengumpul data kualitatif bagi menjawab persoalan “*why*” atau “*how*” (Wimmer & Dominick, 2011). Disebabkan ketidakjelasan ini, ramai penyelidik memperoleh data kajian bukan dalam bentuk sepertimana yang dikehendaki. Ahli kumpulan fokus yang terhad boleh menyebabkan kajian gagal mendapatkan maklumat tertentu. Disebabkan itu, individu yang bertindak sebagai moderator memainkan peranan yang sangat penting dalam mengendalikan sesi temubual.

- ***Penerokaan (Exploratory)***

Kajian penerokaan dijalankan untuk melihat permasalahan yang tidak jelas. Biasanya, ia dijalankan apabila permasalahan masih berada di peringkat awal. Ia juga menjadi pilihan apabila topik atau isu kajian adalah sesuatu yang masih baharu atau sekiranya wujud kesukaran dalam pengumpulan data. Kajian penerokaan juga banyak bergantung kepada sumber sekunder seperti menganalisis sorotan literatur, perbincangan ringkas, sesi temu bual, kumpulan fokus, kajian kes dan kajian rintis. Secara umum, kajian penerokaan bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang sesuatu fenomena yang akan memudahkan penyelidik untuk menjelaskan permasalahan dan membina hipotesis. Ia membantu penyelidik dalam hal menentukan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan pemilihan subjek. Namun, hasil dapatan kajian tinjauan dianggap masih tidak cukup untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi.

- ***Penyertaan (Participatory)***

Penyertaan adalah proses penyelidikan yang melibatkan pelbagai teknik dan pendekatan. Ia merupakan kajian yang memfokuskan kepada proses pemikiran dan tindakan yang berurutan (Wimmer & Dominick, 2011). Dalam kajian penyertaan, peserta kajian mempunyai kuasa penuh berbanding penyelidik. Bermaksud, kajian tidak dijalankan ke atas ahli komuniti tetapi ia dijalankan oleh ahli komuniti atau secara bersama antara penyelidik dengan ahli komuniti. Selain daripada ahli komuniti, ia juga terdiri daripada organisasi yang berasaskan komuniti. Dalam teknik ini, peserta akan menentukan agenda, proses and tindakan kajian. Komuniti bukan sahaja membincangkan permasalahan yang timbul tetapi turut memikirkan tentang bagaimana untuk menyelesaikannya dan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

b) Metode dalam Pendekatan Kuantitatif

- ***Kaji Selidik (Survey)***

Kaji selidik adalah metode penyelidikan yang paling kerap digunakan dalam pengumpulan data kuantitatif. Ini termasuklah dalam penyelidikan media dan komunikasi (Mishra, 2013). Secara umum, terdapat dua kategori kaji selidik iaitu

deskriptif dan analisis (Wimmer & Dominick, 2011). Kaji selidik deskriptif menggambarkan atau mendokumentasikan situasi semasa atau sikap individu. Bermaksud, ia menjelaskan tentang apa yang wujud dan berlaku pada waktu semasa. Manakala, kaji selidik analisis lebih kepada memberi gambaran dan menjelaskan mengapa sesuatu situasi itu berlaku. Dalam pendekatan ini, dua atau lebih pemboleh ubah diperlukan bagi menentukan persoalan kajian atau menguji hipotesis kajian. Hasil dapatannya akan menentukan hubungan antara pemboleh ubah dan membentuk satu kesimpulan yang berkaitan dengannya.

Teknik penyelidikan ini boleh digunakan untuk mengkaji sesuatu permasalahan dalam situasi yang sebenar. Teknik kaji selidik menyediakan banyak pilihan kepada penyelidik dalam proses pengumpulan data seperti melalui pos, telefon, temubual dan Internet. Jadi, penyelidik boleh memilih kaedah yang sesuai dan bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Melalui kemudahan medium atas talian, kaji selidik boleh dilaksanakan pada tahap kos yang rendah. Selain itu, kaji selidik merupakan teknik yang mampu menyediakan data dalam jumlah yang besar daripada responden dengan latar belakang yang berbeza. Oleh itu, ia mampu untuk menentukan pelbagai pemboleh ubah seperti demografi, gaya hidup, sikap, keinginan, tingkah laku dan sebagainya. Bagi menerangkan setiap pemboleh ubah tersebut, pelbagai teknik statistik boleh digunakan penyelidik untuk tujuan penganalisaan data. Kaji selidik juga boleh dilaksanakan tanpa batasan geografi. Data-data bagi kaji selidik juga boleh terdiri daripada sumber utama dan sumber kedua.

- ***Eksperimen***

Eksperimen merupakan metode yang paling lama digunakan dalam penyelidikan media. Ia sering menjadi pilihan penyelidik kerana keupayaannya untuk menyediakan pelbagai maklumat tentang suatu fenomena yang dikaji. Kajian eksperimen yang asas terdiri daripada eksperimen makmal (*laboratory experiment*), eksperimen-kuasi (*quasi-experimental*) dan eksperimen lapangan (*field experiment*) (Wimmer & Dominick, 2011). Kini, Internet dilihat membawa satu pembaharuan kepada penyelidikan eksperimen di mana eksperimen dijalankan secara atas talian.

c) Metode Lain

Oleh kerana media adalah bidang interdisiplin, metode yang digunakan juga banyak dipengaruhi oleh kajian-kajian daripada bidang yang berbeza. Sub topik berikutnya membincangkan tentang lain-lain metode yang turut digunakan dalam kajian media.

- ***Analisis Kandungan (Content Analysis)***

Terdapat pelbagai definisi yang dikeluarkan oleh para sarjana mengenai teknik analisis kandungan. Kajian oleh Walizer dan Wiener (1978) mendefinisikan analisis kandungan sebagai satu prosedur yang sistematik untuk menentukan kandungan maklumat yang dirakam. Ia adalah teknik penyelidikan yang membuat rumusan secara bersistematik dan berobjektif dengan mengenal pasti ciri-ciri tertentu di dalam teks (Stone, Dumphy, Smith & Ogilvie, 1996). Menurut kajian oleh Neuendorf (2002) pula, analisis kandungan adalah ringkasan, analisis mesej kuantitatif secara saintifik dan tidak terhad kepada satu pemboleh ubah atau konteks yang membentuk mesej tersebut.

Kajian oleh Kerlinger (2000) dan Macnamara (2003b) berpendapat, analisis kandungan adalah metode untuk mengkaji dan menganalisis komunikasi yang melibatkan pengukuran pemboleh ubah secara sistematik, objektif dan kuantitatif. Analisis kandungan dikatakan sebagai metode yang bersistematik kerana kandungan yang hendak dianalisis dipilih berdasarkan kepada prosedur yang jelas dan konsisten. Ini termasuklah dalam konteks pemilihan sampel, penganalisan item proses penilaian kandungan. Berdasarkan itu, ia lebih tepat dikategorikan sebagai teknik penyelidikan kuantitatif (Neuendorf, 2002). Dalam analisis kandungan, pandangan peribadi dan kecenderungan penyelidik tidak mempengaruhi dapatan kajian. Ciri-ciri kuantitatif yang ada padanya menyumbang kepada ketepatan data iaitu melalui sokongan teknik statistik yang lain dalam proses analisis dan penterjemahan data.

Menurut kajian oleh Macnamara (2003b), teknik analisis kandungan dalam penyelidikan media dan komunikasi massa adalah teknik yang stabil, sistematik dan diterima secara meluas dalam kalangan penyelidik sejak 30 tahun yang lalu. Di peringkat awal, ia diaplikasikan bagi menganalisis kandungan komunikasi yang dipersembahkan oleh filem dan televisyen. Walau bagaimanapun, penggunaan metode analisis kandungan semata-mata menyebabkan terjemahan kandungan terhadap populasi tidak dapat dilakukan secara tepat. Ini adalah kerana setiap kajian mempunyai definisi dan sistem kategori yang berbeza dengan kajian lain dalam mengukur sesuatu konsep. Selain daripada anggapan bahawa ia tidak dapat menghasilkan dapatan yang tepat, proses analisis kandungan juga melibatkan masa yang panjang dan kos yang tinggi.

- ***Sorotan Literatur (Literature Review)***

Sorotan literatur adalah sekumpulan teks yang bertujuan mengkaji semula pengetahuan semasa tentang suatu topik. Ia adalah metode yang melihat kepada kajian-kajian lepas bagi mengenal pasti sesuatu permasalahan dan meninjau semula sumber bahan bertulis seperti laporan, jurnal, buku, Internet dan sebagainya bagi mengenal pasti fenomena semasa kajian (Wimmer & Dominick, 2011). Tujuan sorotan literatur adalah untuk menentukan pemboleh ubah kajian, membuat justifikasi tentang permasalahan dalam kajian, mencari teknik bagi menyelesaikan permasalahan, mengenal pasti kesilapan dalam penyelidikan terdahulu, menafsir dapatan kajian-kajian terdahulu dan sebagainya. Antara sumber-sumber sorotan literatur ialah kamus, ensiklopedia, jurnal, abstrak dan indeks, pengkalan data, buku, ulasan, Internet, bahan pandang dengar, risalah dan sebagainya.

- ***Analisis Tekstual (Textual Analysis)***

Analisis tekstual adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan komunikasi untuk menerang dan menterjemahkan ciri-ciri mesej dan visual. Menurut McKee (2003), analisis tekstual adalah kaedah di mana penyelidik mendapatkan maklumat tentang budaya dan tamadun sekumpulan manusia. Tujuan utamanya adalah untuk menjelaskan kandungan, struktur dan fungsi mesej yang terkandung dalam teks. Terdapat empat pendekatan dalam analisis tekstual iaitu kritikan retorik (*rhetorical criticism*), analisis kandungan, analisis interaksi (*interaction analysis*) dan kajian prestasi (*performance studies*) (Frey, Botan & Kreps, 1999). Analisis tekstual banyak digunakan dalam kajian budaya, kajian media, komunikasi massa, sosiologi dan falsafah (McKee, 2003). Kebiasaannya, teknik analisis ini melibatkan penterjemahan

teks pada filem, program televisyen, majalah, ikhlah, pakaian dan sebagainya bagi mendapatkan gambaran realiti kehidupan masyarakat.

- ***Analisis Kontekstual (Contextual Analysis)***

Analisis kontekstual boleh dijelaskan sebagai analisis terhadap teks yang terkandung dalam pelbagai medium. Ia adalah satu metode yang digunakan untuk memperolehi maksud bagi satu perkataan yang tidak diketahui konteksnya seperti sejarah, budaya dan sosial. Analisis ini memfokuskan kepada petunjuk (*clue*) konteks seperti definisi, sinonim, antonim, contoh dan ilustrasi grafik seperti jadual, carta, rajah dan diagram (McKee, 2003).

- ***Analisis Kerangka (Framing Analysis)***

Analisis kerangka adalah satu kaedah penyelidikan pelbagai disiplin dalam sains sosial yang bertujuan untuk menganalisis tentang bagaimana masyarakat memahami suatu situasi dan aktiviti. Ia digunakan secara meluas dalam kajian komunikasi, berita, politik dan gerakan sosial di samping teknik-teknik yang lain. Ia adalah proses di mana sumber komunikasi seperti organisasi berita mentakrifkan dan membina satu isu politik atau kontroversi awam. Kajian oleh Waller dan Conaway (2011) merujuk kerangka sebagai konstruk kognitif yang digunakan untuk memproses pengalaman harian individu. Selain itu, ahli sosiologi terawal yang meneroka analisis kerangka iaitu Goffman (1974) mendefinisikan analisis kerangka sebagai “*an interpretive schema that enables the user to locate, perceive, identify, and label a seemingly infinite number of concrete occurrences defined in its terms*” (p. 21). Selain itu, teknik analisis ini juga boleh dikategorikan kepada tiga tahap utama iaitu tahap kognitif, tahap retorik dan tahap ideology (Waller & Conaway, 2011).

- ***Break-Even Analysis***

Analisis *break-even* merupakan teknik untuk menentukan titik di mana pendapatan yang diterima adalah bersamaan dengan kos (Break-Even Analysis, 2015). Analisis ini memfokuskan kepada pengiraan margin iaitu perbezaan antara jumlah pendapatan dengan jumlah modal. Ia merupakan teknik yang digunakan secara meluas oleh organisasi perniagaan untuk menentukan tahap jumlah jualan, pengeluaran yang akan memperlihatkan keuntungan atau kerugian kepada perniagaan.

- ***Analisis Tematik (Thematic Analysis)***

Analisis tematik adalah teknik analisis yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif. Ia mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan paten (tema) dalam data. Analisis ini mengidentifikasikan tema-tema yang terpola dan suatu fenomena. Tema-tema ini boleh diidentifikasikan dari data kualitatif mentah seperti transkrip temubual, biografi, rakaman video dan sebagainya berdasarkan teori mahupun sorotan literatur. Walaupun analisis ini melibatkan proses organisasi data yang minima tetapi ia mampu untuk menjelaskan data secara detail.

- ***Longitudinal***

Kajian longitudinal melibatkan proses pengumpulan data yang dilakukan di tempat-tempat yang berbeza pada satu masa yang sama. Dalam bidang media massa, kajian longitudinal kurang dilaksanakan. Tetapi ia sangat berpengaruh dan provokatif dalam bidang penyelidikan keseluruhan. Teknik ini adalah yang paling lama digunakan dalam bidang sains tingkah laku. Dalam bidang psikologi, ia sering digunakan dalam kajian pembangunan kanak-kanak dan perkembangan klinikal individu. Dalam bidang perubatan pula, kajian longitudinal kerap digunakan secara meluas untuk melihat kesan teknik perubatan. Terdapat tiga jenis kajian longitudinal iaitu kajian trend (*trend study*), analisis kohort (*cohort analysis*) dan kajian panel (*panel study*) (Wimmer & Dominick, 2011).

- ***Analisis Wacana (Discourse Analysis)***

Analisis wacana merupakan istilah umum yang digunakan oleh beberapa pendekatan untuk menganalisis maklumat bertulis, vokal, penggunaan bahasa isyarat atau sebarang bentuk acara semiotik. Elemen-elemen dalam analisis wacana boleh terdiri daripada wacana, penulisan, perbualan dan komunikasi. Analisis wacana juga banyak digunakan dalam pelbagai disiplin sains sosial seperti linguistik, pendidikan, sosiologi, antropologi, kerja sosial, psikologi kognitif, psikologi sosial, kajian budaya, perhubungan antarabangsa, geografi kemanusiaan, kajian komunikasi dan kajian terjemahan. Setiap daripadanya menjelaskan analisis wacana mengikut kepada andaian masing-masing, dimensi analisis dan metodologi yang digunakan.

- ***Analisis Wacana Kritikal (Critical Discourse Analysis)***

Analisis wacana kritikal adalah pendekatan antara disiplin dalam kajian wacana yang memperlihatkan bahasa sebagai satu amalan sosial. Kebanyakan para sarjana yang menggunakan analisis ini mengandaikan bahawa amalan sosial bukan linguistik dan amalan linguistik adalah berkaitan antara satu sama lain. Fokus turut diberikan tentang bagaimana hubungan sosial dapat dibina dan diperkukuhkan melalui penggunaan bahasa.

- ***Analisis Kelompok (Cluster Analysis)***

Analisis kelompok adalah analisis yang mengkategorikan satu set objek yang sama atau hampir sama dalam satu kumpulan atau kategori (*Cluster analysis, 2015*). Ia merupakan tugas utama dalam proses tinjauan sumber data dan merupakan teknik asas dalam analisis data statistik. Analisis kelompok adalah alat untuk menganalisis data tinjauan yang bertujuan untuk menyusun objek yang berbeza ke dalam kumpulan-kumpulan tertentu. Ia juga boleh digunakan untuk menunjukkan struktur data tanpa memberikan penjelasan atau terjemahan tentang mengapa ianya wujud. Selain daripada istilah kelompok, analisis ini juga mempunyai persamaan maksud dengan pengelasan automatik (*automatic classification*), taksonomi berangka (*numerical taxonomy*), *botryology* dan analisis tipologi (*typological analysis*).

- ***Kajian Tindakan (Action Research)***

Terdapat pelbagai istilah yang merujuk kepada kajian tindakan. Antaranya ialah kajian penyertaan, kerjasama, pembelajaran tindakan dan kajian tindakan kontekstual (O'Brien, 1998). Namun begitu, semua jenis kajian ini membawa satu konsep dan tema yang sama. Secara umum, kajian tindakan adalah 'belajar dengan melakukan' (*learning by doing*) di mana, sekumpulan individu perlu mengenal pasti masalah, melaksanakan tindakan untuk menyelesaikannya, meneliti hasil penyelesaian dan mengulangi proses penyelesaian sekiranya hasil penyelesaian tidak memuaskan. Terdapat beberapa ciri penting yang membezakan antara kajian tindakan dengan aktiviti penyelesaian masalah yang biasa dilakukan individu. Tujuan utama kajian tindakan adalah untuk menyumbang kepada aspek praktikal dan sains sosial. Jadi, kajian tindakan perlu menentukan sistem dan pada masa yang sama bekerjasama dengan sistem berkenaan untuk mencapai matlamat tersebut. Bermaksud, penyelidik memainkan peranan penting untuk bekerjasama baik dengan subjek kajian.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah utama iaitu konteks kajian media dan metode kajian media. Bagi konteks kajian media, tumpuan diberikan kepada kategori atau jenis media yang menjadi subjek kajian, bidang tumpuan kajian media, konteks umum kajian media dan konteks khusus kajian media. Manakala bagi metode kajian media, pemfokusan diberikan kepada teknik-teknik yang digunakan dalam kajian media khususnya dari sudut pendekatan kajian dan pengumpulan data kajian. Berdasarkan itu, dapat dikenal pasti sama ada kajian media lebih menjurus kepada pendekatan kualitatif atau kuantitatif.

Kajian ini menggunakan pendekatan penelitian literatur bagi mengenal pasti konteks dan metode yang digunakan oleh penyelidikan media sepanjang tahun 2002 hingga 2012. Aspek ini dikaji berdasarkan artikel-artikel yang diterbitkan dalam pangkalan data akademik yang dilanggan oleh Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Ia dilakukan berdasarkan kaedah *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analysis* (PRISMA) (Moher, Liberrati, Tetzlaff & Altman, 2009). Kaedah ini banyak dilaksanakan dalam kajian-kajian berbentuk meta analysis dan *systematic review* dalam bidang kritikal terutamanya perubatan (antaranya: Mair, May, O'Donnell, Finch, Sullivan, dan Murray, 2012; Herbert, Plugge, Foster, dan Doll, 2012; Hooper Abdelhamid, Moore, Douthwaite, Skeaff, & Summerbell, 2012) dan telah mula digunakan dalam kajian penggunaan media dalam bidang perubatan (antaranya: Sisask dan Varnik, 2012; Aoki, Malcolm, Yamaguchi, Thornicroft dan Henderson, 2013; Ehrenreich, Righter, Rocke, Dixon dan Himelhoch, 2011).

Proses pengumpulan artikel-artikel ini dijalankan melalui empat pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia iaitu *ProQuest*, *ScienceDirect*, *Scopus* dan *Web of Knowledge*. Pemilihan pangkalan data adalah berdasarkan skop pangkalan data yang memfokuskan kepada kajian-kajian dalam bidang sains sosial termasuklah bidang media.

Bagi memudahkan proses carian artikel kajian media, beberapa kata kunci digunakan. Penetapan kata kunci ini adalah berdasarkan istilah-istilah yang sering digunakan dalam bidang pengajian media. Penggunaan kata kunci yang selaras dalam setiap pangkalan data adalah untuk mengelakkan isu bias di dalam proses carian. Dengan itu juga, skop carian akan menjadi lebih khusus. Antara kata kunci yang digunakan ialah 'media', 'pengiklanan' (advertising),

kewartawanan (journalism), penyiaran (broadcasting), 'media baharu' (new media), 'media massa' (mass media), 'media sosial' (social media), dan komunikasi massa (mass communication). Kesemua kata kunci ini digunakan bagi carian dalam kesemua pangkalan data akademik berkenaan. Kajian ini memfokuskan kepada artikel-artikel kajian media yang diterbitkan di dalam jurnal berimpak dan berwasit sepanjang tahun 2002 hingga 2012.

Kajian ini melibatkan pemboleh ubah utama iaitu konteks dan metode penyelidikan media. Artikel yang diperoleh dari pangkalan data akademik ini dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan. Dua orang jurukod dilantik untuk mengkodkan semua kategori yang ditetapkan ke dalam jadual yang disediakan. Ujian kebolehpercayaan antara jurukod memberikan nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu 0.88. Fokus analisis ialah mengenai konteks dan metode kajian yang digunakan. Penganalisaan dapatan kajian dilaksanakan melalui statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk memperihalkan dapatan konteks dan metode kajian media dalam bentuk kekerapan dan peratus.

Dapatan Kajian

Empat pangkalan data melalui akses laman web rasmi Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia telah dipilih sebagai platform pengumpulan artikel berkaitan kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012. Empat pangkalan data tersebut ialah *ProQuest*, *ScienceDirect*, *Scopus* dan *Web of Knowledge*. Beberapa kata kunci telah digunakan bagi memudahkan proses carian iaitu media baharu (*new media*), media massa (*mass media*), media sosial (*social media*), dan komunikasi massa (*mass communication*). Hasil daripada itu, sebanyak 2,366 artikel telah diperoleh yang terkategori dalam 951 jenis jurnal. Berdasarkan itu, analisis terhadap trend konteks dan metode dijalankan. Jadual 1 menunjukkan jumlah jurnal dan jumlah artikel yang diperoleh berdasarkan empat pangkalan data.

i) Analisis Konteks Penyelidikan Media Bagi Tahun 2002 Hingga 2012

a) Kategori Media

Jadual 1 menunjukkan kategori media yang menjadi tumpuan kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012. Analisis kandungan yang dijalankan mendapati kebanyakan penyelidikan media memfokuskan kepada media elektronik dan media baharu. Media elektronik yang banyak dicirikan kepada Internet, televisyen dan radio telah mendominasi kategori media (56.1%) bagi keseluruhan kajian tahun 2002 hingga 2012. Konsep penyelidikan media dilihat turut terkesan oleh perkembangan teknologi dan kemunculan pelbagai jenis media baharu. Di peringkat awal, kajian media elektronik banyak tertumpu kepada ciri-ciri dan peranan medium televisyen dan Internet. Selain daripada melihat implikasi kepada gabungan antara media cetak dengan media elektronik, kajian lalu turut terarah kepada gabungan dengan media digital dan media interaktif yang akhirnya memperlihatkan kajian berkenaan TV digital, TV interaktif dan radio digital.

Bagi kategori media baharu, tumpuan penyelidikan banyak terarah kepada media atas talian seperti blog, Facebook dan YouTube (35.2%). Peningkatan ketara dilihat berlaku pada tahun 2010 berikutan ia adalah tahun lonjakan bagi kemunculan media baharu. Penumpuan terhadap kumpulan media ini secara tidak langsung turut meningkatkan penerokaan terhadap kumpulan media elektronik, teknologi media dan media digital. Kebanyakan kajian mula memfokuskan tentang keberkesanan penggunaan antara kumpulan-kumpulan media ini dalam pelbagai konteks kajian. Bagi kategori media cetak, tumpuan adalah terhadap medium surat

khobar, majalah dan jurnal (13.6%). Kajian terhadapnya mula menurun di awal kemunculan media baharu sekitar tahun 2006 dan 2007. Lain-lain kategori media yang menjadi tumpuan kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012 adalah teknologi media (sistem, rangkaian) (14.1%), media digital dan media interaktif (multimedia, audiovisual, video) (13.4%), media massa (6.7%) dan media tradisional (2.7%).

Jadual 1: Kategori Media Bagi Kajian Tahun 2002 hingga 2012

Tahun	Kategori Media							Jumlah
	Media Cetak	Media Elektronik	Media Massa	Media Baharu	Media Tradisional	Teknologi Media	Media Digital / Interaktif	
2002	20	81	15	25	2	12	26	181
2003	26	83	12	26	2	28	16	193
2004	30	68	11	44	3	28	17	201
2005	41	139	15	32	2	47	24	300
2006	41	111	24	32	8	33	22	271
2007	25	88	17	47	7	24	19	227
2008	10	73	4	62	2	31	23	205
2009	14	109	6	72	10	24	25	260
2010	27	232	16	152	9	35	55	526
2011	39	195	23	195	15	40	56	563
2012	50	150	16	148	3	33	34	434
Jumlah	323 (13.6%)	1329 (56.1%)	159 (6.7%)	835 (35.2%)	63 (2.7%)	335 (14.1%)	317 (13.4%)	3361 (141.8%)

b) Bidang Tumpuan Kajian

Jadual 2 menunjukkan bidang tumpuan penyelidikan media sepanjang tahun 2002 hingga 2012. Tumpuan dikategorikan kepada tiga bidang utama iaitu pengiklanan, pemasaran dan komunikasi. Berdasarkan analisis kandungan yang dijalankan, majoriti penyelidikan media tertumpu kepada bidang komunikasi. Ianya meliputi aspek kewartawanan, komunikasi massa, bahasa dan komunikasi berasaskan komputer (*Computer-Mediated Communication-CMC*). Bagi bidang pemasaran, penyelidikan media tertumpu kepada peranan media sebagai medium pemasaran dan penjenamaan perniagaan. Begitu juga dengan bidang pengiklanan di mana, fokus kajian adalah terhadap peranan media sebagai medium promosi dan untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap produk dan premis perniagaan. Hasil analisis juga mendapati jumlah penyelidikan media meningkat secara ketara pada tahun 2010 dalam ketiga-tiga bidang kajian ini. Rasionalnya, 2010 merupakan tahun lonjakan bagi media baharu. Peranannya sebagai medium komunikasi telah diterima secara meluas sama ada di peringkat individu mahupun organisasi. Perkembangan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi konsep penyelidikan media termasuklah dalam konteks pengiklanan, pemasaran dan komunikasi. Menurut *Media Specialist Association (MSA)* (2014), industri pengiklanan di Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak lima hingga enam peratus setia tahun. Ia melibatkan pelbagai medium pengiklanan yang memperlihatkan iklan digital, iklan cetak, televisyen dan radio.

Jadual 2: Bidang Tumpuan Kajian Media Bagi Tahun 2002 hingga 2012

Tahun	Bidang Tumpuan Kajian		
	Pengiklanan	Pemasaran	Komunikasi
2002	5	4	41
2003	5	2	45
2004	7	3	35
2005	9	9	59
2006	5	4	54
2007	4	10	35
2008	6	7	31
2009	12	17	46
2010	19	25	103
2011	20	40	120
2012	39	47	132
Jumlah	131	168	701

Jadual 3 menunjukkan bidang tumpuan penyelidikan media berdasarkan kategori media. Analisis menunjukkan media elektronik mendominasi kategori media khususnya dalam bidang komunikasi (15.6%). Media baharu juga menyumbang peratusan tertinggi (9.1%) terhadap kajian komunikasi berbanding bidang-bidang kajian yang lain khususnya dalam aspek kewartawanan dan komunikasi massa.

Jadual 3: Kategori Media dan Bidang Tumpuan Kajian

Kategori Media	Pengiklanan (n = 130)		Pemasaran (n = 184)		Komunikasi (n = 851)	
	n	%	n	%	N	%
	Media cetak	16	0.7	9	0.4	127
Media elektronik	57	2.4	70	3.0	370	15.6
Media massa	6	0.3	4	0.2	59	2.5
Media baharu	33	1.4	85	3.6	216	9.1
Media tradisional	4	0.2	6	0.3	28	1.2
Media digital/interaktif	14	0.6	10	0.4	51	2.2

c) Konteks Kajian

Jadual 4 menunjukkan konteks penyelidikan media bagi tahun 2002 hingga 2012 secara khusus. Ianya dicirikan kepada pemilikan media (*media ownership*), produksi media (*media production*), organisasi media (*media organisation*), kecelikan media (*media literacy*), penggunaan media (*media usage*) dari sudut individu dan organisasi, *media consumption*, kesan media (*media effect*), konvergen media (*media convergent*), sejarah media (*media history*) dan ciri-ciri media (*media characteristic*). Hasil analisis kandungan mendapati penggunaan media oleh individu menjadi tumpuan majoriti penyelidikan media sepanjang tempoh tersebut (29.1%) diikuti oleh penggunaan media oleh organisasi (10.4%) dan kesan penggunaan media (8.4%). Antara perbincangan penggunaan media oleh individu adalah media sebagai medium komunikasi, hubungan sosial, pendidikan dan sumber maklumat. Dari sudut organisasi, penggunaan media banyak dikupas sebagai medium pemasaran dan pengiklanan. Selain itu, penyelidikan lalu turut membincangkan peranan media kepada institusi pendidikan (sekolah, institusi pengajian tinggi dan perpustakaan) dan badan kesihatan (hospital).

Artikel yang membincangkan berkenaan kesan penggunaan media kebanyakannya menjurus kepada implikasi penggunaan media kepada individu dari sudut psikologi, sikap dan

tingkah laku. Contohnya, impak program televisyen dan permainan video kepada tingkah laku kanak-kanak dan remaja. Berdasarkan itu, perbincangan mengenai risiko penggunaan media turut dikategorikan sebagai kesan penggunaan media. Artikel mengenai ciri-ciri media (0.9%) pula meliputi perbincangan tentang peranan dan kredibiliti media sama ada dalam penggunaan individu mahupun organisasi. Perbincangan mengenai organisasi media adalah tentang peranan organisasi atau industri media seperti stesyen radio, industri televisyen, syarikat akhbar dan lain-lain yang berkaitan (4.0%). Hasil analisis mendapati penyelidikan mengenai organisasi media memfokuskan kepada elemen produksi media dan kewartawanan. Lain-lain konteks kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012 adalah kecelikan media (2.2%), *media consumption* (0.8%), sejarah media (0.6%), konvergen media (0.5%) dan pemilikan media (0.4%).

Jadual 5 menunjukkan konteks penyelidikan media secara umum iaitu undang-undang dan polisi, gelagat pengguna, ekonomi, sosial, budaya, politik, pendidikan dan kesihatan. Hasil analisis kandungan mendapati faktor pendidikan mendominasi penyelidikan media bagi tahun 2002 hingga 2012 diikuti oleh faktor sosial dan politik. Perbincangan mengenai media dan pendidikan memfokuskan kepada pendidikan jarak jauh, pembelajaran dan pengajaran (15.6%). Perbincangan mengenai faktor sosial pula meliputi hubungan antara media dengan etnik, bangsa, sivik, etika, keganasan dan perhubungan (11.7%). Manakala, artikel mengenai faktor politik memperlihatkan peranan media dalam kempen politik, komunikasi politik, hubungan antarabangsa kerajaan, undian dan penglibatan individu dalam politik (11.7%). Konteks gelagat melibatkan artikel yang mengkaji sikap, tingkah laku dan motivasi individu terhadap media (7.2%). Sebahagian besar daripadanya menerangkan tentang sikap dan tingkah laku individu terhadap penggunaan media. Dalam konteks kesihatan, antara kupasan perbincangan adalah mengenai majalah kecantikan dan kesihatan, jurnal perubatan, agenda kesihatan awam, kesihatan kanak-kanak, kempen HIV/AIDS, aplikasi kesihatan, kesan media terhadap penggunaan dadah dan alkohol, media sebagai sumber maklumat kesihatan dan sebagainya.

Jadual 4: Konteks Kajian Media Secara Khusus

Tahun	Fokus Kajian											Jumlah artikel
	Pemilikan Media	Produksi Media	Organisasi Media	Kecelikan Media	Penggunaan Media		Media Consumption	Kesan Media	Konvergen Media	Sejarah Media	Ciri Media	
					Ind	Org						
2002	2	2	14	3	48	13	1	5	-	1	5	94
2003	2	2	11	2	66	6	-	15	1	-	-	105
2004	-	2	7	1	26	9	-	13	1	-	1	60
2005	-	-	4	2	54	19	-	8	-	-	1	88
2006	-	-	4	1	42	7	-	11	3	2	2	72
2007	1	6	8	5	32	8	-	9	1	-	1	71
2008	-	1	7	6	25	9	-	10	1	-	1	60
2009	2	3	4	4	45	22	1	10	-	2	3	96
2010	1	10	11	14	112	56	7	43	1	2	3	260
2011	-	16	10	8	142	58	4	48	3	4	2	295
2012	1	5	15	5	97	39	5	26	1	3	3	200
Jumlah	9 (.4%)	47 (2.0%)	95 (4.0%)	51 (2.2%)	689 (29.1%)	246 (10.4%)	18 (.8%)	198 (8.4%)	12 (.5%)	14 (.6%)	22 (.9%)	1401 (59.3%)

Jadual 5: Konteks Kajian Media Secara Umum

Tahun	Konteks Kajian Media									Jumlah artikel
	Undang-undang Polisi	dan	Gelagat	Ekonomi	Sosial	Budaya	Politik	Pendidikan	Kesihatan	
2002	5		8	2	20	11	13	12	5	76
2003	9		17	3	17	9	16	15	13	99
2004	4		5	5	19	9	14	15	3	74
2005	6		13	4	28	9	25	52	9	146
2006	8		16	3	32	15	20	14	17	125
2007	11		5	2	16	8	18	18	9	87
2008	3		6	-	15	13	17	21	10	85
2009	5		9	-	15	7	18	27	4	85
2010	12		28	5	35	19	39	85	10	233
2011	11		36	4	40	8	54	67	27	247
2012	10		28	1	41	5	44	44	12	185
Jumlah	84 (3.5%)		171 (7.2%)	29 (1.2%)	278 (11.7%)	113 (4.8%)	278 (11.7%)	370 (15.6%)	119 (5.0%)	1442 (60.7%)

ii) **Analisis Metode Penyelidikan Media bagi tahun 2002 hingga 2012**

Jadual 6 menunjukkan trend metode kualitatif dalam penyelidikan media bermula dari tahun 2002 hingga 2012. Melihat kepada persamaan konsep kajian yang dibawa oleh beberapa teknik penyelidikan ini, kajian ini mengkategorikan beberapa teknik di bawah satu kaedah penyelidikan yang utama. Teknik pemerhatian (*exploratory*) dikategorikan di bawah kaedah pemerhatian, perbincangan (*discussion*) di bawah kumpulan fokus dan penyertaan (*participatory*) di bawah ethnografi. Hasil analisis kandungan menunjukkan teknik temubual telah menjadi pilihan kebanyakan penyelidikan media sepanjang tempoh berkenaan (7.7%) diikuti oleh kajian kes (7.2%). Manakala, teknik-teknik lain dilihat masih berada pada tahap sederhana. Antaranya ialah kaedah tinjauan (1.2%), kumpulan fokus (1.3%) dan perbincangan (0.2%).

Jadual 6: Trend Metode Kualitatif dalam Penyelidikan Media (2002 - 2012)

Tahun	Pemerhatian Lapangan		Kumpulan Fokus		Temubual	Kajian Kes	Ethnografi	
	Tinjauan		Perbincangan				Penyertaan	
2002	2	2	2	-	14	12	5	3
2003	2	1	7	-	13	8	4	1
2004	4	1	-	-	13	9	2	3
2005	10	4	1	-	12	9	2	5
2006	4	2	2	-	15	16	2	-
2007	2	1	1	1	10	10	3	2
2008	4	1	1	-	12	11	7	3
2009	1	1	1	-	10	19	2	2
2010	8	2	8	1	24	22	7	4
2011	4	6	3	-	29	31	4	3
2012	6	7	5	3	31	23	2	2
Jumlah	47 (2.0%)	28 (1.2%)	31 (1.3%)	5 (0.2%)	183 (7.7%)	170 (7.2%)	40 (1.7%)	28 (1.2%)

Jadual 7 menunjukkan trend metode kuantitatif dalam penyelidikan media bagi tahun 2002 hingga 2012. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 545 (22.9%) penyelidikan media didapati menggunakan kaji selidik sebagai metode penyelidikan sepanjang tempoh tersebut. Berlaku peningkatan yang ketara pada tahun 2010 dan 2011. Seperti mana kesan kemunculan media baharu telah mengubah lanskap keseluruhan penyelidikan, ia turut mempengaruhi trend penyelidikan media yang dijalankan melalui kaedah kaji selidik. Oleh kerana kaji selidik adalah kaedah yang mampu menentukan faktor demografi, gaya hidup, sikap, keinginan dan tingkah laku responden terhadap fenomena yang dikaji (Wimmer & Dominick, 2011), peningkatannya sebagai metode penyelidikan media adalah relevan.

Dapatan kajian turut menunjukkan kajian berbentuk eksperimen menjadi pilihan penyelidikan media pada tahap sederhana (4.7%). Kekurangan terhadap penggunaan kaedah ini dilihat tidak seragam. Pada tahun 2006, berlaku penurunan yang berterusan sehingga tahun 2009. Peningkatan dilihat berlaku semula pada tahun 2010 tetapi kembali menurun pada tahun 2012. Namun begitu, boleh juga dikatakan bahawa kajian eksperimen adalah salah satu kajian

pilihan utama dalam penyelidikan media. Sebaliknya, kajian longitudinal dan kajian tindakan dilihat menjadi metode yang kurang diaplikasikan dalam kebanyakan kajian media sepanjang tempoh 10 tahun tersebut.

Jadual 7: Trend Metode Kuantitatif dalam Penyelidikan Media (2002 – 2012)

Tahun	Keratan Rentas	Eksperimen	Longitudinal	Kajian Tindakan
2002	27	5	-	-
2003	29	7	2	-
2004	30	4	-	-
2005	47	10	-	-
2006	47	9	-	-
2007	29	7	2	1
2008	32	4	2	-
2009	34	1	2	-
2010	75	18	1	-
2011	106	29	1	1
2012	86	18	1	1
Total	542 (22.9%)	112 (4.7%)	11 (0.5%)	3 (0.1%)

Jadual 8 menunjukkan trend penggunaan metode analisis kandungan (*content analysis*) secara umum dan spesifik dalam penyelidikan media bagi tempoh tahun 2002 hingga 2012. Analisis menunjukkan berlaku peningkatan terhadap teknik penyelidikan analisis kandungan dalam tempoh tahun 2002 hingga 2012. Ini menjadikan ia sebagai teknik yang menjadi pilihan bagi kebanyakan penyelidikan media (31.4%) diikuti oleh teknik sorotan literatur (19.2%) dan analisis tekstual (*textual analysis*) (1.4%). Metode-metode lain di dalam kategori analisis kandungan yang kurang mendapat perhatian penyelidikan media sepanjang tempoh tersebut ialah analisis naratif (*narrative analysis*), analisis perbandingan (*comparative analysis*), analisis sentimen (*sentiment analysis*), analisis kerangka (*framing analysis*), analisis kontekstual (*contextual analysis*), analisis sejarah (*historical analysis*), *break-even analysis*, analisis transaksi (*transactional analysis*), analisis fungsian (*functional analysis*) dan analisis tematik (*thematic analysis*).

Berdasarkan kajian oleh Macnamara (2003a), metode-metode dalam kategori analisis kandungan adalah teknik yang sangat digemari dalam penyelidikan media dan komunikasi massa. Lantaran itu, ia telah diaplikasikan dalam pelbagai konteks kajian sejak dari 30 hingga 40 tahun dahulu. Sehingga kini, ia dilihat masih relevan dan diterima oleh para sarjana sebagai metode penyelidikan yang penting. Hasil analisis menunjukkan ia digunakan secara sekata dalam penyelidikan media sehinggalah berlaku lonjakan pada tahun 2010. Tidak dinafikan, kemunculan pelbagai media baharu pada waktu itu turut menyumbang kepada peratusan penggunaannya. Contohnya ialah kesan kandungan media baharu terhadap kanak-kanak, wanita dan tingkah laku keganasan dalam kalangan remaja.

Jadual 8: Trend Metode Analisis Kandungan Secara Umum dan Spesifik dalam Penyelidikan Media (2002 – 2012)

Tahun	Content analysis	L.R	Textual analysis	Contextual analysis	Narrative analysis	Historical analysis	Framing analysis	Sentiment analysis	Comparative analysis	Break even	Analisis Transaksi	Analisis Fungsian	Analisis Tematik
2002	33	30	2	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
2003	38	26	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
2004	37	25	1	-	1	-	1	-	1	-	-	-	-
2005	71	32	2	-	2	-	-	-	2	-	-	-	-
2006	45	18	1	-	2	-	-	-	-	-	-	-	-
2007	44	37	3	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-
2008	35	39	2	-	1	-	-	-	1	-	-	-	-
2009	68	34	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2010	100	82	2	-	-	-	-	-	1	-	-	-	2
2011	144	86	6	1	-	-	-	-	-	-	1	-	4
2012	128	45	8	-	2	-	2	2	1	-	-	1	-
Total	743	454	32	1	8	1	3	2	7	1	1	1	8
	(31.4%)	(19.2%)	(1.4%)	(.0%)	(0.3%)	(.0%)	(0.1%)	(0.1%)	(0.3%)	(.0%)	(.0%)	(.0%)	(0.3%)

Jadual 9 menunjukkan trend penggunaan metode wacana dan kritikal kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012 iaitu analisis wacana, analisis wacana kritikal dan analisis kritikal. Hasil analisis mendapati di antara ketiga-tiga teknik analisis ini, analisis wacana menunjukkan peratusan tertinggi (6.3%) diikuti oleh analisis kritikal (4.5%) dan analisis wacana kritikal (1.6%). Dapat dikatakan bahawa, teknik-teknik analisis ini kerap menjadi pilihan kebanyakan penyelidikan media dalam pelbagai konteks sepanjang tempoh tersebut khususnya yang berkaitan dengan analisis kandungan.

Jadual 9: Trend Metode Analisis Wacana dan Kritikal dalam Penyelidikan Media (2002 – 2012)

Tahun	Analisis Wacana	Analisis Wacana Kritikal	Analisis Kritikal
2002	14	-	5
2003	8	3	9
2004	6	1	10
2005	18	1	15
2006	21	2	13
2007	11	4	5
2008	12	2	6
2009	13	5	8
2010	20	8	19
2011	18	2	10
2012	9	10	6
Total	150 (6.3%)	38 (1.6%)	106 (4.5%)

Jadual 10 menunjukkan trend penggunaan metode dalam kajian selain daripada metode yang telah dibincangkan di atas. Hasil analisis menunjukkan pengaplikasian metode-metode ini dalam kajian media mempunyai kekerapan yang rendah sepanjang tempoh 10 tahun tersebut. Analisis kelompok didapati menunjukkan peratusan tertinggi (0.3%). Manakala, teknik multimodal, bimodal, analisis retorik, *cross-national* dan analisis semiotik masing-masing menunjukkan peratusan yang sama (0.1%). Teknik analisis lain ialah rangkaian semantik, silang budaya dan analisis dyadic (.0%).

Jadual 10: Metode Lain Penyelidikan Media (2002 – 2012)

Tahun	Cluster analysis	Semantic-network	Semiotic analysis	Cross-cultural	Dyadic analysis	Cross-national	Rhetoric Analysis	Bimodal	Multimodal
2002	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2003	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2004	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2005	1	1	1	1	1	-	-	-	-
2006	1	-	-	-	-	1	1	-	-
2007	-	-	1	-	-	-	1	-	-
2008	1	-	-	-	-	-	-	-	-
2009	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2010	-	-	-	-	-	-	-	2	2
2011	3	-	-	-	-	-	-	-	1
2012	1	-	-	-	-	1	-	-	-
Total	7 (0.3%)	1 (.0%)	2 (0.1%)	1 (.0%)	1 (.0%)	2 (0.1%)	2 (0.1%)	2 (0.1%)	3 (0.1%)

Carian artikel dalam kajian ini tidak tertumpu kepada skop kajian di Malaysia sahaja. Sebaliknya ia merangkumi pelbagai artikel yang diterbitkan di seluruh dunia sama ada berimpak atau berwasit. Berdasarkan itu, dapat dilihat kajian media mempunyai konteks yang pelbagai. Ia mungkin didorong oleh faktor budaya, sosial dan isu semasa di kawasan kajian

yang akhirnya memvariasikan fenomena kajian. Sifat kepelbagaian ini tidak hanya dilihat dalam konteks kajian. Sebaliknya, ia turut merangkumi aspek penggunaan metode dalam kajian-kajian media. Pengaruh bidang media sebagai bidang multidisiplin juga telah menyebabkan pengaplikasian metode yang tidak seragam dalam kajian media. Ini adalah satu perkembangan yang baik di mana, kajian media tidak rigid kepada konteks dan metode yang tertentu atau yang berkaitan dengan media semata-mata. Ia telah membuka ruang kajian yang luas dalam pelbagai disiplin kajian bagi memberi kefahaman mengenai media dari pelbagai perspektif dan sudut pandangan. Rasionalnya, kesan dan pengaruh media telah menyerap masuk ke dalam diri setiap individu, komuniti dan organisasi dalam pelbagai aspek. Jadi, ia telah membentuk fenomena kajian yang pelbagai dan berbeza antara satu sama lain.

Perbincangan dan Kesimpulan

Media adalah sebarang bentuk medium komunikasi yang boleh digunakan individu dan organisasi untuk menyampaikan dan menerima suatu informasi seperti telefon, majalah, akhbar, radio, televisyen, permainan video, telegraf, buku dan sebagainya (Ott & Mack, 2014). Revolusi dalam industri teknologi telah menyebabkan perubahan pada konsep media itu sendiri. Media seperti akhbar, majalah dan buku semakin kurang mendapat perhatian masyarakat kerana kandungannya lebih mudah diakses secara atas talian. Revolusi internet pula memperlihatkan kemunculan pelbagai media atas talian yang berasaskan web 2.0. Ia bukan sekadar menawarkan komunikasi dua hala malah, dilengkapi dengan ciri-ciri interaktif dan digital yang tidak pernah dijangka sebelum ini. Kini, media bukan sahaja merujuk kepada platform nyata yang membolehkan suatu maklumat itu dikomunikasikan malah, ia turut merujuk kepada platform tidak nyata seperti media sosial.

i) Trend Konteks dalam Kajian Media

Hasil analisis mendapati wujud pelbagai konteks dalam kajian media sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2012. Kepelbagaian konteks kajian media ini terbina berdasarkan beberapa aspek iaitu kategori atau jenis media yang dikaji, bidang tumpuan kajian dan isu-isu semasa dalam fenomena kajian. Kemunculan pelbagai media baharu telah memvariasikan kategori media khususnya yang berkaitan dengan faktor teknologi. Hasilnya, berlaku peningkatan yang ketara dalam kajian mengenai media baharu, teknologi media, media elektronik dan media digital atau interaktif. Manakala, kajian terhadap media tradisional, media massa dan media cetak berada pada tahap sekata dan tidak menunjukkan perkembangan yang ketara.

Dari sudut bidang tumpuan kajian, kebanyakan kajian media memfokuskan tentang bagaimana media digunakan pada tahap individu dan organisasi. Dalam fenomena yang sebenar, individu menggunakan media khususnya yang berasaskan teknologi untuk berkomunikasi dan bersosial secara atas talian. Kecanggihan teknologi pada media baharu turut menarik perhatian kebanyakan organisasi khususnya organisasi perniagaan. Proses globalisasi perniagaan melalui aktiviti promosi dan pemasaran dalam media tanpa batasan masa dan sempadan seperti media sosial dilihat semakin menjadi trend. Akhirnya, ia telah menarik perhatian para sarjana untuk melihat sejauh mana penggunaan media baharu mampu untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan kepada individu dan membawa perkembangan kepada perniagaan.

Berdasarkan itu, kajian ini mengkategorikan tiga bidang tumpuan yang menjadi keutamaan dalam kajian media ialah pengiklanan, pemasaran dan komunikasi. Hasil analisis menunjukkan media baharu signifikan mempengaruhi peningkatan kajian media dalam ketiga-

tiga bidang tumpuan ini bermula tahun 2010 hingga 2012. Berdasarkan perspektif individu dan organisasi, terbit pelbagai konteks kajian yang boleh dicirikan kepada pemilikan media, produksi media, kecelikan media, penggunaan media, kesan media, sejarah media dan sebagainya. Selain itu, konteks kajian media yang pelbagai ini turut dikaji dari skop yang berbeza seperti undang-undang dan polisi, gelagat, ekonomi, politik, budaya, pendidikan, kesihatan dan sosial.

ii) Trend Metode dalam Kajian Media

Terdapat pelbagai metode yang digunakan oleh kajian-kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012 sama ada dari perspektif kualitatif atau pun kuantitatif. Hasil analisis mendapati, majoriti kajian media yang dijalankan melalui pendekatan kualitatif tertumpu kepada metode temubual (7.7%) dan kajian kes (7.2%). Metode lain yang turut dijalankan dalam kajian kualitatif ialah pemerhatian lapangan, tinjauan, kumpulan fokus, perbincangan, etnografi, dan penyertaan. Dapatan kajian menunjukkan perkembangan teknologi yang memperlihatkan kemunculan pelbagai bentuk media baharu tidak memberi kesan yang ketara terhadap penggunaan metode-metode ini dalam kajian media. Ini adalah kerana, bentuk metode sebegini memerlukan penyelidik bertemu dengan sampel kajian yang disasarkan. Jadi, pengaruh elemen teknologi tidak begitu terkesan. Bagi kajian kuantitatif, metode-metode yang digunakan merangkumi kaji selidik, eksperimen, kajian tindakan dan kajian longitudinal. Dapatan kajian menunjukkan metode kaji selidik mempunyai kadar peratusan penggunaan yang tertinggi (22.9%) berbanding metode-metode lain dalam kajian kuantitatif. Peningkatan ketara berlaku pada tahun 2010 dan 2011. Ia dilihat sepadan dengan perkembangan kajian media yang memperlihatkan pembentukan konteks kajian yang pelbagai.

Selain itu, bentuk analisis kandungan juga didapati mendapat perhatian banyak kajian media sepanjang tahun 2002 hingga 2012. Di peringkat awal, analisis kandungan jumlah penggunaan yang tinggi dan peningkatan penggunaan berlaku saban tahun. Namun, peningkatan yang ketara turut dicatatkan pada tahun 2010. Selain metode analisis kandungan itu sendiri, terdapat metode-metode lain yang boleh dikategorikan sebagai metode yang menganalisis kandungan sesuatu teks, konteks, video dan sebagainya. Antaranya ialah ulasan literatur, analisis teks, analisis konteks, analisis naratif, analisis kerangka, analisis perbandingan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaan metode-metode sebegini berlaku pada tahap yang sangat rendah dan mendatar sepanjang tempoh berkenaan. Tiada peningkatan yang ketara dicatatkan dalam mana-mana tahun sepanjang tahun 2002 hingga 2012. Keadaan yang sama turut dilihat pada lain-lain metode. Lain-lain metode ini merujuk kepada metode yang kurang diaplikasikan dalam kajian media. Antaranya ialah *cluster analysis*, *semiotic analysis*, *dyadic analysis*, *cross-national*, *bimodal* dan *multimodal*.

Rujukan

- Anderson, D. R., & Hanson, K. G (2009). Children, media, and methodology. *American Behavioral Scientist*, 52(8), 1204–1219.
- Aoki, Y., Malcolm, E., Yamaguchi, S., Thornicroft, G. & Henderson, C. (2012). Mental illness among journalists: a systematic review. *International Journal of Social Psychiatry*. 59(4):377-90. doi: 10.1177/0020764012437676.
- Azmah, A. W., & Samsudin, A. R. (2013). Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pengdemokrasi maklumat di Malaysia, *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 141-160.
- Bastiansen, H. G. (2008). Media history and the study of media systems 1. *Media History*, 14(1), 95-112.

- Break-Even Analysis. (2015). Dapatan kembali pada April 13, 2015 daripada <http://www.investopedia.com/>
- Cluster Analysis. (2015). Dapatan kembali pada April 8, 2015 daripada <http://www.statsoft.com/>
- Ehrenreich, B., Richter, B., Rocke, D.A., Dixon, L., & Himelhoch, S. (2011) Are mobile phones and handheld computers being used to enhance delivery of psychiatric treatment? A systematic review. *Journal of Nervous and Mental Disease*, 199(11): 886-891.
- Fadzli, A., Ab Hamid, A., Marhana, M. A., & Engku Muhammad Tajuddin, E. A. (2015). Cabaran media baru sebagai medium pembelajaran agama dan penyelesaiannya dari perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 12-23.
- Faradillah, I. O. (2014). Penerimaan media sosial sebagai medium dakwah dalam kalangan mahasiswa KUIS. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah*, 26-27 May. E-ISBN:978-983-3048-92-2.
- Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999). *Investigating communication: An introduction to research methods*. (2nd ed.) Boston: Allyn & Bacon.
- Goffman, E. (1974). *Frame analysis: An essay on the organization of experience*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Herbert, K., Plugge, E, Foster, C, & Doll H. (2012). Prevalence of risk factors for non-communicable diseases in prison populations worldwide: A systematic review. *The Lancet*. 379:1975–1982. [http://dx.doi.org/10.1016/S0140-6736\(12\)60319-5](http://dx.doi.org/10.1016/S0140-6736(12)60319-5)
- Hooper, L., Abdelhamid, A., Moore, H.J., Douthwaite, W., Skeaff, C.M., & Summerbell, C.D. (2012). Effect of reducing total fat intake on body weight: systematic review and meta-analysis of randomised controlled trials and cohort studies. *BMJ*, 6;345:e7666. doi: 10.1136/bmj.e7666.
- Internet World Stats. (2017). *Internet usage in Asia*. Dapatan kembali pada November 24, 2017 daripada <http://www.internetworldstats.com/stats3.htm#asia>
- Kaye, B.K. (2005). It's a blog, blog, blog, blog world. *Atlantic Journal of Communication*, 13(2), 73-95.
- Kerlinger, F. N. (2000). *Foundations of behavioral research* (4th ed.). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Kim, D. (2006). *Abandoning traditional news?: Examining factors influencing the displacement effects of online news on traditional news media* (Disertasi Ph.D). Southern Illinois University, Carbondale.
- Lee, K. W. S. (2014). Media dalam pendidikan kanak-kanak. *Utusan Malaysia*. Dapatan kembali pada Ogos 2, 2016 daripada [ww1.utusan.com.my/](http://www.utusan.com.my/)
- Macnamara, J. (2003a). *Mass media effects: A review of 50 years of media effect research*. Carma International (Asia Pacific). Dapatan kembali daripada www.masscom.com.au/book/papers/mass_media.html
- Macnamara, J. (2003b). Media content analysis; It uses; benefits and best practice methodology. *Asia Pacific Public Relations Journal*, 6(1), 1-34.
- Mair, F.S., May, C., O'Donnell, C., Finch, T., Sullivan, F. & Murray, E. (2012). Factors that promote or inhibit the implementation of e-health systems: an explanatory systematic review. *Bulletin of the World Health Organization*, 90(5): 357–364. 10.2471/BLT.11.099424
- McKee, A. (2003). *Textual analysis*. Dapatan kembali pada April 1, 2015 daripada doi:10.4135/9780857020017.
- Media Specialists Association. (2014). Industri pengiklanan Malaysia makin berkembang. *Sinar Online*. Dapatan kembali pada Ogos 10, 2016 daripada www.sinarharian.com.my/

- Mishra, S. (2013). Doing survey research in media studies. Dalam Valdivia, A. N. *The international encyclopedia of media studies*. John Wiley and Sons, Inc. Dapatan kembali pada Julai 26, 2016 daripada onlinelibrary.wiley.com/. doi 10.1002/9781444361596.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., (2009). Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *PLoS Med* 6(6): e1000097. doi:10.1371/journal.pmed1000097
- Mus Chairil, S., & Jamilah, M. (2014). *Media dan masyarakat*. Kota Samarahan, UNIMAS Press.
- Neuendorf, K. (2002). *The Content Analysis Guidebook*, Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Nordiana, Z. (2014). Ulasan buku: Media dan masyarakat muslim. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 1, 35-38.
- Nurul Izzah, S. (2008). Media dan remaja. Utusan Malaysia. Dapatan kembali pada Ogos 2, 2016 daripada ww1.utusan.com.my/
- O'Brien, R. (1998). *An overview of the methodological approach of action research*. Dapatan kembali pada April 12, 2015 daripada <http://web.net/robrien/papers/arfinal.html>
- Ott, B. L., & Mack, R. I. (2014). *Critical media studies* (2nd Ed). Chichester, West Sussex: John Wiley & Sons, Inc.
- Samsudin, A. R. (2001). Media dan identiti budaya: Cabaran media terhadap masyarakat Malaysia di alaf ke-21. *Kertas kerja di Sirnposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia-Isu dan Cabaran Abad Ke 21*, 22-24 Julai. Universiti Malaya.
- Shanti, B. B. (2015). Kanak-kanak aktif guna gajet kerana terpengaruh ibu bapa, adik beradik. *Berita Harian*. Dapatan kembali pada Ogos 2, 2016 daripada www.bharian.com.my/
- Shen, F., Lu, Y., Steve, G., & Baohua, Z. (2011). News media use, credibility and efficacy: An analysis of media participation intention in China. *Chinese Journal of Communication*, 4(4), 475-495.
- Sisask, M. & Värnik, A. (2012). Media roles in suicide prevention: A systematic review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 9(1):123-38. doi: 10.3390/ijerph9010123.
- Siti Rokiah, A. R., & Fadzli, A. (2015). Kredibiliti YouTube sebagai medium pembelajaran agama dalam peradaban Islam kontemporari. *Prosiding International Conference on Empowerment Islamic Civilization*, 6-7 September, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Sommier, M. (2014). The concept of culture in media studies: A critical review of academic literature. *Media and Diversity*, 5(2014).
- Sooryamoorthy, R. (2014). Trends in media and communication studies: Toddlers, media consumption and development communication. *International Sociology*, 29(2), 81-88.
- Stone, P., Dunphy, D., Smith, M., & Ogilvie, D. (1996). *The general inquirer: a computer approach to content analysis*. Cambridge: MIT Press.
- Sukmi, S. N. (2016). *Rethinking teori komunikasi dalam konteks media baru*.
- Tworzecki, H. & Semetko, H.A. (2010). Media Uses and Effects in New Democracies: The Case of Poland's 2005 Parliamentary and Presidential Elections. *International Journal of Press/Politics* 15(2), 155-174.
- Walizer, M. H., & Wienir, P. L. (1978). *Research methods and analysis: Searching for relationships*. New York: Harper & Row.
- Waller, R. L. & Conaway, R. N. (2011). Framing and counterframing the issue of corporate social responsibility: The communication strategies of Nikebiz.com. *Journal of Business Communication*, 48, (83).
- Wan Anita, W. A., & Azizah, H. (2013). Media dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2), 27-39.

- Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (2011). *Mass media research: An introduction* (9th ed). USA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Zaleha, Y. (2010). *Pengaruh keganasan dalam media terhadap tingkah laku agresif remaja*. (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.